

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL



LAWATAN AUDIT PENSIJILAN ISO 21001 : 2018 Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS)

- muka 1



BOOK TALK SERIES:

This End of the Rainbow

- muka 2

SIRI BICARA BUKU:

Himpunan Kesalahan Penggunaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Malaysia

- muka 3



Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kali ke-5 (September - Oktober 2021), Perpustakaan UNISEL menerima lawatan audit pensijilan ISO 21001:2018 Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS). Semoga dengan lawatan audit ini, Perpustakaan UNISEL dapat meningkatkan lagi kualiti kerja dari semasa ke semasa.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL juga berjaya mengadakan Siri Bicara Buku sebanyak dua kali secara atas talian. Dengan kelonggaran SOP yang diumumkan, dapatlah kita menjayakan program ini dengan sebaik mungkin demi mengimarahkan lagi aktiviti-aktiviti ilmiah di dalam UNISEL.

Disamping itu, Perpustakaan UNISEL juga menerima kunjungan dari delegasi dari Institut Darul Ehsan (IDE). Selepas itu, Perpustakaan UNISEL pula telah membuat kunjungan balas ke Perpustakaan IDE. Melalui kunjungan ini, beberapa kerjasama telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan
Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN

Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

Isi Kandungan

- Lawatan Audit Pensijilan: ISO 21001:2018 Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS) **1**
- BOOK TALK SERIES: This end of the rainbow **2**
- SIRI BICARA BUKU: Himpunan kesalahan penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia **3**
- Which is correct? **4**
- Program Literasi Maklumat **6**
- Aktiviti Perpustakaan UNISEL **9**
- Album Pelawat & Lawatan **13**
- Ulasan buku **17**



LAWATAN AUDIT PENSIJILAN

ISO 21001 : 2018

SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN (EOMS)

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) merupakan sesuatu yang penting bagi memastikan sesebuah organisasi dapat memberi perkhidmatan yang berkesan dan memenuhi keperluan pelanggan. Dalam usaha memantapkan SPK agar lebih menyeluruh dan berkesan, Universiti Selangor (UNISEL) telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan persijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ISO 21001:2018.

UNISEL telah menerima lawatan audit daripada panel auditor SIRIM bagi pensijilan ISO 21001:2018 Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS) dan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS).

Sesi audit tersebut berlangsung selama seminggu bermula 18 hingga 22 Oktober 2021. Seramai enam panel termasuk seorang pakar teknikal ditugaskan untuk mengaudit di Pusat Tanggungjawab (PTj) terpilih dalam tempoh tersebut.

Perpustakaan UNISEL telah dijadualkan menerima lawatan audit pada 20 Oktober 2021 di Kampus Bestari Jaya. Juruaudit SIRIM yang telah melaksanakan Audit Pensijilan ISO 21001: 2018 Sistem Pengurusan Organisasi Akademik (EOMS) di Perpustakaan UNISEL adalah En. Mohammad Hamidi bin Yusop.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada juruaudit SIRIM kerana telah melaksanakan audit pensijilan ISO di pejabat perpustakaan dengan jayanya. Jutaan terima kasih kepada semua warga kerja Perpustakaan atas usaha dan komitmen semasa persediaan lawatan serta kerjasama semasa lawatan audit berlangsung.



BOOK TALK SERIES: THIS END OF THE RAINBOW

Pada tanggal **24 September 2021**, Perpustakaan UNISEL dengan kerja sama Fakultas Pendidikan dan Sains Sosial (FPSS) telah berjaya menganjurkan program Siri Bicara Buku (*Book Talk Series*) yang ketiga. Siri Bicara Buku ini ditayangkan secara langsung melalui platform Facebook Live.

Ahli panel undangan untuk Siri Bicara Buku pada kali ini adalah Cik Na- Thinamalar Magiswary Nadarajan, Timbalan Dekan Akademik dan Cik Eda Suhana Sharudin, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Bahasa. Kedua-dua ahli panel adalah dari Fakultas Pendidikan dan Sains Sosial.

Buku yang dikupas oleh kedua-dua ahli panel ini bertajuk '**This End of The Rainbow**', yang ditulis oleh **Khalidah Adibah binti Haji Amin** atau lebih dikenali dengan nama Adibah Amin. Beliau adalah seorang anak jati Johor dan dilahirkan di Johor Bahru pada 19 Februari 1936. Novel ini adalah hasil nukilan beliau yang pertama dalam bahasa Inggeris.

Novel ini menceritakan bagaimana Ayu dan mahasiswa-mahasiswa lain berinteraksi pada tahun 50-an itu, idealisme mereka dan masyarakat masa depan yang ingin mereka bina. Selain itu, dicatatkan sesuatu idealisme yang ingin dikongsi Adibah, bahawa dalam persahabatan dan pencarian segelintir anak muda ini berkenaan interaksi sebenar yang seharusnya wujud dalam negara yang hampir mahupun sudah merdeka. Keharmonian kehidupan berbilang bangsa, budaya dan agama itulah yang dipentingkan Adibah dalam menulis novel ini.

unisel library **FPSS**

BOOK TALK SERIES
"THIS END OF THE RAINBOW"
BY ADIBAH AMIN

PANELIST 1 :
MS NA-THINAMALAR
MAGISWARY NADARAJAN
DEPUTY DEAN (ACADEMIC), FESS

PANELIST 2 :
MS EDA SUHANA SHARUDIN
SENIOR LECTURER,
DEPARTMENT OF LANGUAGE STUDIES, FESS

24 SEPTEMBER 2021 (FRIDAY) 11:00 AM - 12:00 PM

SCAN FOR ATTENDANCE

JOIN US IN CONVERSATION ON FACEBOOK

LIVE UNISEL LIBRARY PAGE
[https://www.facebook.com/unISEL.library](https://www.facebook.com/unisel.library)

ORGANIZED BY UNISEL LIBRARY IN COLLABORATION WITH THE DEPARTMENT OF LANGUAGE STUDIES, FESS





SIRI BICARA BUKU

Himpunan Kesalahan Penggunaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Malaysia




Dirasmikan Oleh:
PROF. DR. MD SIDIN BIN AHMAD ISHAK
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri Universiti Selangor



Moderator:
USTAZ ABDUL RAZAK BIN ARIPIN
Pensyarah Jabatan Pengajian Islam Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial



Pembicara:
DR. MUHAMMAD BIN DAOH
Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial



SIRI BICARA BUKU: HIMPUNAN KESALAHAN PENGGUNAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR MALAYSIA

29 Oktober 2021 - Untuk kali keempat Perpustakaan UNISEL telah berjaya menganjurkan program Siri Bicara Buku (*Book Talk Series*) pada tahun 2021. Siri Bicara Buku ini ditayangkan secara maya melalui platform *Facebook Live*.

Tetamu untuk Siri Bicara Buku yang kali keempat ini adalah Dr. Muhammad bin Daoh iaitu Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Buku yang ingin dikupas pada Siri Bicara Buku kali ini adalah hasil karyanya sendiri yang berjudul 'Himpunan Kesalahan Penggunaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Malaysia'. Buku ini telah diterbitkan oleh UNISEL Press pada tahun 2020.

Moderator untuk Siri Bicara Buku ini adalah Ustaz Abdul Razak bin Aripin, Pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. dan program ini di rasmikan oleh Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak iaitu Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) Universiti Selangor.

Melalui kupasan penulis mengenai buku ini dilihat dapat membantu para pelajar yang ingin memantapkan keupayaan mereka dalam mendalami bahasa Arab apabila penulis telah menghimpunkan pelbagai kesalahan dalam penggunaan bahasa Arab yang pernah dilakukan oleh para pelajar IPT di Malaysia.






Photo by Sharon McCutcheon on Unsplash

WHICH IS CORRECT?

by Nur-Ileana Hani Roslidali

English is the most common language to learn around the World. The reason is English is the common language used to communicate and also the language that is learnt in schools. In Malaysia, it is compulsory to learn English at school and you must pass the subject in your Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination. Like Bahasa Melayu, English is also quite confusing to learn with all the elements such as grammar and vocabulary. Talking about elements in English, there is one thing that people always get confused which is homophones.

What are homophones? According to Cambridge Dictionary, homophones are words that are pronounced the same as another word, even though both words have different spelling or meaning. An example that could be given is the words “so” and “sew”. See how both words are spelled differently, however they are spoken the same way which is [so]. Both words also have different meanings. Due to this, some people will be confused with words that have the same pronunciation.

There are many words that people wrongly use. This is because when learning English, sometimes people concentrate on the sound of the words rather than the spelling and sometimes, we tend to confuse the words because of the sounds.

A very common word use that is always used wrongly is the word "affect" and "effect". The spelling of both the words are almost similar with the difference of one letter. The pronunciation of the two are also almost similar. The meaning for the word "affect" is to influence, while for "effect" it means a result of something. most people would use the word "effect" in place of "affect". An example of a sentence is "Nightmares always effect someone's sleep". This is wrong and the correct sentence should be "Nightmares always affect someone's sleep".

There are other words that are always misused in sentences. One word would be "accept". Now, you might be wondering which word is always confused with "accept". The answer is "except". Some will be confused with these two words because both have almost the same pronunciation. What about the meaning? "Accept" means to receive while "except" means to leave out. Now you know, when writing a sentence and you encounter these words, make sure you know what it means and you use it properly.



Photo by Waldemar Brandt on Unsplash

Another word that is always confused with is the word "Its" and "It's". Many people will be confused with these two because of its similar spelling and pronunciation. However, both words have different meanings. "Its" means belonging to it while "It's" is the short form of "it is". Due to the fact that "'s" shows belonging to something or someone in a sentence, most people will use "it's" as a way to show it belongs to something rather than "its". Therefore, the correct usage of "its" in a sentence is "The dog will bark when its owner leaves the house" while for "it's" is "It's a beautiful day today!".



Photo by Element5 Digital on Unsplash

Above are some examples of words that are always misused however there are many words that are misused because of their almost similar pronunciation and spelling. A way to fix this problem is to learn the meanings of the words so that we won't use it wrongly in a sentence. This way, we can correct not just our word use but also our grammar.

References


A Look at Some Commonly Confused Words: Lexico. (n.d.). Lexico Dictionaries English. <https://www.lexico.com/grammar/commonly-confused-words>.

Commonly Confused Words. (n.d.). English Grammar Rules Usage. <https://grammar.yourdictionary.com/style-and-usage/commonly-confused-words.html>.

Homophone. (n.d.). Cambridge Dictionary. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/homophone>.

Writer's Web: Commonly Confused Words. (n.d.). <http://writing2.richmond.edu/writing/wweb/conford.html>.



Program Literasi Maklumat



01 OKTOBER 2021

Program Literasi Maklumat: Citation Help : APA Citation Style (7th ed.) yang disertai oleh pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Program Literasi Maklumat ini telah dimohon dan dianjurkan oleh Prof Madya Dr. Astri Yulia. Sesi ini dikendalikan oleh Puan Nur Adna binti Roduan melalui platform Zoom. Semoga pengisian bengkel ini dapat membantu pelajar menyiapkan kerja kursus mereka.

Program Literasi Maklumat



11 OKTOBER 2021

Program Literasi Maklumat: Citation Help : APA Citation Style (7th ed.) yang disertai oleh pelajar dari Jabatan Sains Sosial dan Tahun Asas TESL. Program Literasi Maklumat ini telah dimohon dan dianjurkan oleh Puan Angela Chan Nguk Fong dan Puan Murni Salina Saharudi. Sesi ini dikendalikan oleh Puan Nur Adna binti Roduan melalui platform Google Meet. Semoga pengisian bengkel ini dapat membantu pelajar menyiapkan kerja kursus mereka.

Program Literasi Maklumat

Organised by **unisel** library

In Collaboration with **emerald PUBLISHING**

#UNISELLibrary
#EmeraldPublishing

Exploring Emerald

Database Training: What you should know
13 October 2021 (Wed)
10:30am - 11:30am

(Host) Nur Adna binti Roduan
Librarian UNISEL

(Trainer) William Loh
Emerald Publishing

Open to all students and faculty members


- Introduction & Accessibility
- Remote access for study & teaching at home
- New updates on Emerald database

Perpustakaan UNISEL
For any query, please contact Puan Raudah Rajab
Email: raudah@unisel.edu.my
WhatsApp: 0168768451

Scan to Register



or type
<https://bit.ly/3pQpFA>



13 OKTOBER 2021

Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Emerald Publishing telah mengadakan sesi latihan *Exploring Emerald Database Training: What You Should Know* pada 13 Oktober 2021 (Rabu). Sesi yang telah diadakan secara atas talian melalui aplikasi Zoom yang bermula pada jam 10.30 pagi hingga 12.00 tengahari ini telah dikendalikan oleh Mr. William Loh, wakil dari Emerald Publishing. Seramai 36 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan telah mengikuti program tersebut. Latihan ini memfokuskan kepada kaedah carian serta penggunaan pangkalan data Emerald. Peserta juga mencadangkan agar sesi bersama Emerald ini terus diadakan pada masa akan datang.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



10 SEPTEMBER 2021

Pengambilan buku Pinjaman Antara Perpustakaan di Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).




14 SEPTEMBER 2021

Projek khas membuat katalog buku-buku terpilih dari Malaysia Board on Books for Young People (MBBY).



Aktiviti Perpustakaan UNISEL



unisel library

SELAMAT DATANG

YBHG. PROF. DR. MD. SIDIN BIN AHMAD ISHAK
Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor
Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri

ke
Mesyuarat Perpustakaan

8 Oktober 2021 (Jumaat) | 2:30 petang
Perpustakaan UNISEL
Kampus Bestari Jaya




08 OKTOBER 2021

Perpustakaan UNISEL telah mengadakan satu mesyuarat melibatkan semua staf perpustakaan bersama Prof. Dr. Md. Sidin bin Ahmad Ishak, Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri. Antara intipati mesyuarat ini adalah sesi suai kenal antara Prof. Dr. Md Sidin dan semua staf perpustakaan, perkembangan terkini kerja-kerja dan operasi perpustakaan serta hala tuju perpustakaan pada masa akan datang.



Aktiviti Perpustakaan UNISEL



13 OKTOBER 2021

Satu taklimat antara Perpustakaan UNISEL dan Pejabat Tadbir Urus Korporat dan Pusat Jaminan Kualiti (CGQA) telah diadakan secara atas talian berkaitan lawatan audit pensijilan ISO. Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah memberitahu persiapan-persiapan yang perlu dilakukan untuk menghadapi lawatan audit tersebut.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



21 OKTOBER 2021

Sesi penerangan berkaitan ulasan buku bagi katalog buku terpilih 2021. Sesi ini di sampaikan oleh Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak, Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) Universiti Selangor dan disertai oleh Pustakawan UNISEL bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam.

Album Pelawat & Lawatan



22 SEPTEMBER 2021

Kontraktor yang telah dilantik mengenal pasti lokasi serangan anai-anai di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya bersama staf Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA). Serangga perosak ini sangat berbahaya kepada perabot perpustakaan yang diperbuat dari kayu dan aset penting perpustakaan iaitu koleksi buku sama ada yang belum diproses dan yang sudah diproses.

Album Pelawat & Lawatan



24 SEPTEMBER 2021

Lawatan Yang Berbahagia, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman, Presiden dan Naib Canselor UNISEL ke Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya bagi meninjau projek-projek ruang yang telah dinaiktaraf dan juga bilik koleksi khas yang akan menempatkan bahan-bahan peribadi Prof. Dato' Mohammad Redzuan, Allayarham Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadzil, Prof. Dr. Mohd Nor Nawawi dan tokoh wartawan negara Allahyarham Zainon Ahmad.

Album Pelawat & Lawatan



01 OKTOBER 2021

Delegasi Institut Darul Ehsan (IDE) yang diketuai Pengarah Eksekutif Dato' Ismail Yusop telah membuat kunjungan hormat ke Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya. Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman, Presiden dan Naib Canselor UNISEL dan beberapa Ahli Jawatankuasa Eksekutif UNISEL juga turut serta dalam lawatan ini. Antara pengisian lawatan ini adalah sesi taklimat ringkas dari Perpustakaan UNISEL, sesi penyerahan buku sumbangan dari IDE dan lawatan ke setiap ruang bangunan Perpustakaan UNISEL.




Album Pelawat & Lawatan



28 OKTOBER 2021


Kunjungan balas ke Perpustakaan Institut Darul Ehsan (IDE) yang diketuai oleh Ketua Perpustakaan UNISEL, Encik Hafiz bin Abdul Rahim bersama beberapa staf perpustakaan yang lain. Deligasi Perpustakaan UNISEL dibawa melawat ke ruangan Perpustakaan IDE untuk melihat bahan-bahan yang ada disitu. Selain itu, juga dibincangkan tentang kerjasama yang boleh dibuat antara Perpustakaan IDE dan Perpustakaan UNISEL pada masa akan datang.

Ulasan Buku



- **Judul** | 10 Asas Penyucian Hati: Sebahagian Dari Kitab 40 Asas Dalam Agama
- **Penulis** | al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali (W505 H)
- **ISBN** | 9789671550304
- **No. Panggilan** | BP174 .G44 2017
- **Lokasi** | Multiple Location
- **Tahun terbitan** | 2017
- **Edisi** | -

Buku 10 Asas Penyucian Hati ini menghuraikan dengan tajam tetapi padat mengenai penyucian hati. Imam Al-Ghazali membawa para pembaca untuk mengenali penyakit hati, tipu daya yang menjerumuskan manusia, gejala dan kesan penyakit hati serta tatacara menghadapinya. Kelegaan dan kepuasan apabila membaca buku ini seolah rohani kita diketuk agar menginsafi kekotoran hati seterusnya menghidupkan kehendak memulihkannya kembali.




- **Judul** | Research Methods for The Behavioral Sciences
- **Penulis** | Frederick J. Gravetter & Lori-Ann B. Forzano
- **ISBN** | 9781305104136
- **No. Panggilan** | BF76 5 G48 2016
- **Lokasi** | Tingkat 1, Shah Alam
- **Tahun terbitan** | 2016
- **Edisi** | 5th

This textbook is developed from years of teaching research methods. During that time, we tried various examples or explanations in the classroom and observed student response. Over the years, the course evolved into a less intimidating and more interesting approach that is highly effective in getting students interested in research. Our students have been very helpful in this evolutionary process. Their feedback has directed our progress through the development of the research methods course and the writing of this book. In many respects, they have been our teachers.



- **Judul** | Soal Jawab Fiqh Covid-19 (ebook)
- **Penulis** | Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
- **ISBN** | -
- **No. Panggilan** | BP144 .Z85 2020
- **Lokasi** | <http://library.unisel.edu.my/equip-unisel/FiqhCovid19.pdf>
- **Tahun terbitan** | 2020
- **Edisi** | -

Buku Soal Jawab Fiqh Covid19 ini merupakan hasil tulisan YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Buku yang wajib dimiliki oleh pembaca ini padat dengan perkara-perkara berkaitan isu wabak covid-19 yang telah dan sedang melanda dunia termasuk Malaysia ketika ini. Dalam buku setebal 192 mukasurat ini, pembaca akan mendapat pengetahuan dan ilmu berkenaan sejarah, kronologi serta statistik penyakit tersebut. Selain itu terkandung juga panduan dalam menghadapi wabak, saranan dan cadangan serta perkara berkaitan fiqh covid19 itu sendiri. Rak maya perpustakaan melalui laman web perpustakaan UNISEL menyediakan bahan bacaan tersebut untuk anda muat turun dengan percuma. Selamat membaca.



- **Judul** | Young People, Social Media and Health (ebook)
- **Penulis** | Kathleen M. Armour
- **ISBN** | 9781351026987
- **No. Panggilan** | R859.7.S63 .Y72 2019
- **Lokasi** | <http://library.unisel.edu.my/equipunisel/YoungPeopleSocialMediaandHealthpdf>
- **Tahun terbitan** | 2020
- **Edisi** | -

This book eloquently offers responses to such questions and foregrounds and provokes many more. A book like this is therefore welcomed. It builds on and significantly extends recent calls to take young people, social media, digital technology, physical activity, and health seriously



مَوْلِدُ الرَّسُولِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

SALAM MAULIDUR RASUL

"MANHAJ RABBANI UMMAH BERKUALITI"

 1443 HJRAH /2021



 IHLAS DARI WARGA KERJA PERPUSTAKAAN

 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ

JUALAN BUKU

TERBITAN UNISEL PRESS

DAPATKAN SEKARANG!

 <p>ADAB SOPAN PENUNTUT ILMU</p> <p>Ahmad Zaki Hj. Abd Latiff</p>	 <p>حَمَمُ الْأَخْيَارِ فِي اسْتِخْلَافِ الْأُمَّةِ الْعَرَبِيَّةِ لِأَهْلِ الْعِلْمِ وَالْحِكْمَةِ</p> <p>Dr. Muhammad Ali Saad</p>	 <p>Smart al-Fatihah</p> <p>SaF</p> <p>Penguasaan Makna Surah al-Fatihah</p> <p>Teknik Permainan Bahasa</p> <p>Muhammad Razvi bin Muhammad Khalid</p>	 <p>Profesionalisme</p> <p>Sistem Tadabir Urus Masjid</p> <p>AHMAD ZAKI HAJI ABDUL LATIFF</p>	 <p>Visual Minda</p> <p>Atas Meneroka, Mengenal & Mengaplikasi Konsep</p> <p>Muhammad Razvi bin Muhammad Khalid</p> <p>Sahid Iwan bin Saad</p>
RM19.00	RM19.00	RM25.00	RM30.00	RM35.00

PEMBELIAN BOLEH DILAKUKAN DI PLATFORM SHOPEE UNISEL PRESS 

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

unisel library

- If you have a **question** or
- **Need help** with your **research** or **assignment** or
- **Want to keep** up to date with **latest news & updates ...**

CONNECT WITH US



Like.Follow.Share unisel library



<http://library.unisel.edu.my>



sirkulasi@unisel.edu.my



Chat with a Librarian



03-32805081/5080 (BJ Campus)

03-55223565 (Customer Service, Shah Alam Campus)

03-55223596 (Reference Service, Shah Alam Campus)